



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 14 Zulhijjah 1443 / 14 Julai 2022

- I. Sehingga kelmarin, 13 Julai 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut,
  - i) **73.8%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **4.6%** juga telah mendapatkan dos keempat;
  - ii) Sebanyak **77.6%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
  - iii) Manakala **51.5%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
  
2. Pada hari ini, Khamis, 14 Julai 2022,
  - i) Jumlah kes di dalam Kategori 4 dan 5 terus berada di tahap yang rendah. Pada hari ini, tidak ada kes berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **7 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sementara itu, sebanyak 1694 kes telah disahkan sembuh yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada 178,306 kes.
  - iii) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan oleh COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para salehin. (Al-Fatihah)
3. Orang ramai adalah diingatkan untuk memuatnaik keputusan ujian ART, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth* untuk membantu Kementerian Kesihatan memantau situasi jangkitan.
4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 14 Zulhijjah 1443H / 14 Julai 2022